



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1984) 1985
DR.1/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1984) 1985. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ribu tiga ratus tujuh puluh empat juta lapan ratus ribu satu ratus sepuluh ringgit (\$1,374,800,110) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1984 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1984 Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1984. Akta A572. dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1984. Akta A605.
(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 2 ... Pejabat Penyimpan Mohor Besar		
	Raja-Raja	\$ 60,000
B. 7 ... Jabatan Perdana Menteri		3,391,200
B. 22 ... Kementerian Perdagangan dan Perindustrian		7,978,900
B. 29 ... Kementerian Luar Negeri		2,500,000
B. 30 ... Perbendaharaan		2,781,800
B. 32 ... Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun		1,300,000,000
B. 35 ... Kementerian Perusahaan Awam		1,728,410
B. 40 ... Jabatan Pendaftaran Pertubuhan		115,800
B. 41 ... Jabatan Pendaftaran Negara		491,600
B. 50 ... Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar		610,000
B. 59 ... Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos		30,840,200
B. 64 ... Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah		4,017,300
B. 67 ... Kementerian Kehakiman		20,284,900
JUMLAH		\$1,374,800,110

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1984 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1984 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1984 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) 1984 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.